

04/09/1998

PM bertugas seperti biasa

KUALA LUMPUR, Khamis - Datuk Seri Dr Mahathir menjalankan tugas seperti biasa hari ini dan masuk ke pejabatnya di Jabatan Perdana Menteri (JPM) sejak jam 8 pagi.

Bagaimanapun, kawasan JPM dikawal lebih ketat dengan beberapa kereta polis ditempatkan di pintu masuk.

Penolong Setiausaha Akhbar Perdana Menteri, Sufi Yusof, ketika dihubungi berkata, Dr Mahathir bertugas seperti biasa hari ini dan tidak akan membuat sebarang sidang akhbar mengenai pelucutan Datuk Seri Anwar Ibrahim daripada Kabinet semalam.

Dr Mahathir bagaimanapun akan mempengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi Umno malam ini dan mengikut kebiasaan, beliau akan mengadakan sidang akhbar selepas itu.

Sementara itu, di pekarangan kediaman rasmi Anwar di Jalan Perdana, peguambela Datuk R Nallakaruppan, Manjeet Singh Dillon kelihatan masuk menemui Anwar kira-kira jam 10.20 pagi.

Beliau enggan mengulas lanjut pertemuan itu tetapi mengakui pertemuannya dengan Anwar ada hubungan dengan kes Nallakarrupan.

"Saya datang ke sini kerana kes Nallakarrupan. Sama ada, ada kena-mengena dengan Anwar, anda perlu tunggu di mahkamah," kata Manjeet.

Menurutnya, Anwar berada dalam keadaan amat bersemangat.

Pada jam 3.03 petang ini, Anwar menaiki sebuah jip Pajero bersama isterinya, Datin Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail, dan anak mereka. Kenderaan itu menuju ke rumahnya sendiri di Bukit Damansara, kira-kira empat kilometer untuk mengadakan sidang akhbar.

(END)